

**Lebih Sejuta Jawatan Kosong Untuk Diisi Rakyat Malaysia - KDN
Bernama
23 Ogos, 2011**

PUTRAJAYA, 23 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 1,051,427 keperluan tenaga kerja telah disenaraikan oleh lapan kementerian dan agensi berkaitan untuk ditawarkan kepada rakyat Malaysia sebelum bakinya diisi pendatang asing tanpa izin (PATI) menerusi proses pemutihan Program Penyelesaian Menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Alwi Ibrahim berkata daripada statistik itu, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyenaraikan jumlah keperluan paling tinggi iaitu 275,723 kekosongan diikuti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (237,700) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (220,000).

Selain itu, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (165,000); Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (140,000); Kementerian Dalam Negeri (10,000); Kementerian Pelancongan (2,041) dan Kementerian Pengangkutan (963).

"Statistik itu diperoleh hasil maklum balas semua kementerian dan agensi berkaitan kepada KDN dalam Mesyuarat Taklimat Proses Pemutihan Program 6P yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KDN pada Isnin," katanya dalam kenyataan di sini.

Alwi berkata kekosongan jawatan bagi lebih sejuta keperluan tenaga kerja itu membabitkan lima sektor utama yang dikenal pasti banyak menggunakan khidmat tenaga pekerja asing iaitu perkilangan, pembuatan, perladangan, pertanian dan pembinaan.

Katanya semua kekosongan berkenaan akan diiklankan di beberapa akhbar tempatan secara berperingkat bermula Khamis ini, dan rakyat Malaysia khususnya yang masih menganggur digesa mengambil peluang itu sebagai menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan ekonomi negara kepada pekerja asing.

Alwi berkata peringkat seterusnya ialah pepadanan antara permintaan keperluan majikan dengan senarai PATI yang berdaftar dengan Program 6P yang akan dibuat berdasarkan baki jumlah kekosongan tenaga kerja yang tidak diisi penduduk tempatan.

Sementara itu, katanya jumlah pekerja asing sah dan PATI yang direkodkan sehingga 8.30 pagi, mencapai 2,210,235 orang dan daripada jumlah itu, 1,215,004 adalah PATI yang didaftarkan menerusi Program 6P yang dilanjutkan tempoh pendaftarannya kepada 31 Ogos 2011.

"Susulan lanjutan tersebut, KDN sekali lagi menggesa supaya semua PATI dan majikan mengambil kesempatan ini untuk keluar berdaftar kerana selepas 31 Ogos 2011, fasa program akan masuk kepada proses pemutihan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609960>